

Begitu banyak kisah diutarakan berkenaan keaslian idea pelajar dan diterjemah melalui aktiviti yang dianjurkan oleh mereka. Antaranya, idea mengadakan bengkel basikal secara percuma untuk mempromosi kampus bebas karbon dioksida, menyihatkan pelajar dan menenangkan persekitaran universiti. Idea mengadakan *Centre for Lost and Found* menanamkan sifat integriti yang tinggi dalam kalangan pelajar dan staf serta dihurai secara falsafah akan kepentingan integriti kepada negara.

Novel ini meskipun kelihatan mementingkan idea politik pelajar, namun pengarang tidak lupa menyelit kisah yang sesuai untuk pembaca kumpulan remaja, iaitu kisah cinta antara watak utamanya iaitu Mat dan Lynda. Kisah cinta antara dua kaum yang berbeza ini dilorek dengan molek sebagai penarik kepada pembacaan kumpulan berkenaan.

Ulasan

There are yet no reviews for this product.